

CIRI-CIRI ALAT MUZIK GAMELAN

NURIN AINA BINTI FADLI

C18A0616

UNIVERSITI

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2021

KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Ciri-Ciri Alat Muzik Gamelan

Nurin Aina Binti Fadli

C18A0616

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian
daripada syarat memperolehi ijazah Sarjana muda
(Pengajian Warisan) dengan kepujian**

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

Universiti Malaysia Kelantan

2021

KANDUNGAN	HALAMAN
PERAKUAN TESIS	I
PENGHARGAAN	II
ABSTRAK (MELAYU)	III
ABSTRAK (ENGLISH)	IV
BAB 1	
Pengenalan	1-2
Permasalahan Kajian	2-3
Persoalan Kajian	3
Objektif Kajian	3
Skop Kajian	3-4
Kepentingan Kajian	4
a. Individu	4
b. Masyarakat	5
c. Kerajaan	5
BAB 2	
Kajian Literatur	6-7
BAB 3	
Kaedah Kajian	8
BAB 4	
Pengenalan	9
Latar Belakang Respondan	10
Mengenalpasti Setiap Ciri-Ciri Alat Muzik Gamelan	10
a. Gendang	10-11
b. Gong	11
c. Saron	11-12
d. Kenong	12
e. Bonang	12-13
f. Gambang	13

MEMPERKENAL DAN MENGEKALKAN ALAT MUZIK TRADISIONAL
DALAM KALANGAN MASYARAKAT 13-14

BAB 5

Pengenalan 15

Perbincangan 15


Cadangan 16

 a. Cadangan kepada masyarakat 16

 b. Cadangan kepada kerajaan 16


Kesimpulan 17

Sumber Rujukan 18



PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung di dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan asal dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti lain atau institut.



AKSES TERBUKA

Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat segera sedia


Salinan keras atau dalam talian

Akses terbuka (teks penuh)



SULIT

Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972



TERHAD

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi dimana penyelidikan dijalankan

Saya mengakui bahawa Universiti Kelantan berhad seperti berikut.

1. Laporan ini adalah hak milik Universiti Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan ini mempunyai hak untuk membuat salinan laporan untuk pertukaran akademik.

Nurina

Disahkan oleh:

ASSOC. PROF. KHAIRIL ANWAR DEAN BIN
 Senior Lecturer
 Faculty of Creative Technology And Design
 Universiti Malaysia Kelantan, Bachok Campus
 Locked Bag No. 1, 65000 Bachok,
 Kelantan, Malaysia

Tandatangan

TARIKH: 20/2/2022

Tandatangan

NAMA:PM KHAIRIL ANWAR DEAN BIN HAJI KAMARUDIN
 TARIKH: 22/2/2022

PENGHARGAAN

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang” Segala puji dan syukur kepada Ilahi, Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani, selawat dan salam ke atas junjungan Rasul, Muhammad SAW.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana atas segala rahmat dan izin-Nya, penyelidikan serta penulisan tesis yang dilakukan oleh saya berjaya disiapkan. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada pensyarah saya iaitu Prof Madya Khairil Anwar Dean Bin Kamarudin atas bimbingan, teguran dan nasihat beliau sepanjang saya menyelesaikan penyelidikan ini. Semoga jasa baik yang disumbangkan oleh beliau mendapat ganjaran dan hidayah daripada Allah SWT.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan buat ibu bapa saya iaitu Encik Fadli Bin Harun dan Puan Nora Binti Kamaruddin atas semangat dan sokongan yang diberikan sepanjang menyiapkan penyelidikan ini. Ribuan terima kasih juga diberikan kepada pembantu penyelidik dan rakan-rakan taulan yang menghulurkan bantuan dan pertolongan ketika saya memerlukannya.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada pihak perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan yang banyak memberi kerjasama dan menyalurkan bahan-bahan kajian bagi menyiapkan tesis ini. Sekian, segala yang buruk daripada kelemahan saya sendiri dan segala yang baik itu datangnyanya daripada Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

Nurin Aina Binti Fadli

1/716 Kampung Balok,

26100 Kuantan,

Pahang,

nurinaina0912@gmail.com

CIRI-CIRI ALAT MUZIK GAMELAN

ABSTRAK

Alat muzik gamelan merupakan alat muzik tradisional yang banyak dimainkan dalam persembahan seperti wayang kulit, dikir barat dan juga dalam majlis yang formal. Setiap alat-alat muzik gamelan ini mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Alat-alat muzik gamelan ini semakin kurang diketahui oleh ramai orang terutama sekali dalam kalangan masyarakat generasi muda. Alat muzik gamelan juga terdiri daripada gong, gendang, saron, kenong, bonang dan gambang. Pada zaman dahulu alat muzik gamelan ini dimainkan dalam mengiringi tarian Joget Pahang. Terdapat alat muzik gamelan yang diperbuat daripada kayu, buluh dan besi. Oleh kerana itu setiap ciri-ciri alat muzik gamelan berlainan dan mempunyai keunikkan tersendiri.

Kata kunci : Gamelan, Ciri-Ciri, Tradisional, Alat Muzik

CHARACTERISTICS OF GAMELAN MUSICAL INSTRUMENTS

ABSTRACT

Gamelan musical instrument is a traditional musical instrument that is widely played in performances such as wayang kulit, dikir barat and also in formal ceremonies. Each of these gamelan musical instruments has its own characteristics. These gamelan musical instruments are less and less known by many people, especially among the younger generation. Gamelan musical instruments also consist of gongs, drums, saron, kenong, bonang and gambang. In the past, this gamelan musical instrument was played to accompany the Pahang Joget dance. There are gamelan musical instruments made of wood, bamboo and iron. Therefore, each gamelan musical instrument is different and has its own uniqueness.

Keywords: Gamelan, Characteristics, Traditional, Musical Instruments

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Gamelan merupakan himpunan alat muzik tradisional yang terdiri daripada gendang, gong, saron, kenong, bonang dan gambang. Gamelan bermaksud dipukul atau ditabuh dan nama gamelan ini berasal dari Jawa. Alat muzik gamelan kebanyakannya diperbuat daripada tembaga, kayu dan juga buluh. Selain itu terdapat juga beberapa alat muzik gamelan yang diperbuat daripada besi. Setiap alat muzik gamelan mempunyai ciri-ciri dan bunyinya yang tersendiri. Permainan muzik gamelan ini juga boleh dilakukan secara ensembel atau boleh dipersembahkan secara tersendiri.

Namun begitu persembahan muzik gamelan lebih lengkap dan sempurna apabila dimainkan secara berkumpulan. Gong merupakan alat muzik gamelan pertama yang dicipta dan alat-alat muzik gamelan yang lain dicipta mengikut peredaran zaman. Alat muzik gamelan yang pertama iaitu gong merupakan alat muzik yang penting pada awal tamadun melayu. Ianya kerana gong dibunyikan sebagai tanda sesuatu upacara bermula atau sesuatu peristiwa yang berlaku. Di samping itu alat muzik gamelan dikenali sebagai muzik etnik yang unik dan mempunyai keistimewaannya yang tersendiri.

Alat muzik gamelan telah diperkenalkan ke Pahang ketika pemerintahan Sultan Ahmad Muadzam Shah. Alat muzik gamelan ini dimainkan dalam majlis formal dan tidak formal dalam mengiringi tarian joget Pahang. Setiap alat muzik gamelan mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Setiap alat muzik gamelan mempunyai melodinya yang tersendiri. Terdapat alat muzik gamelan yang memainkan melodi penuh,

sebahagian melodi atau variasi kepada melodi utama tersebut. Bunyi-bunyian tersebut bergantung kepada jenis alat muzik gamelan.

Oleh itu dalam mengkaji ciri-ciri alat muzik gamelan terdapat instrumen balungan dimana instrumen ini memaikan melodi utama. Seterusnya instrumen masa dimana melodi instrumen tersebut dibahagikan kepada beberapa fasa muzik. Akhir sekali terdapat juga instrumen penerusan dan juga instrumen rentak. Instrumen penerusan akan memainkan melodi utama tetapi dengan menggunakan not yang lebih kecil.

1.1 PERMASALAHAN KAJIAN

Alat muzik gamelan ini merupakan seni muzik yang sudah bertapak lama dalam seni muzik tradisional. Alat muzik ini juga mula diperkenalkan ke negeri Pahang ketika pemerintahan Sultan Ahmad Muadzam Shah. Alat muzik gamelan ini juga telah ditingkatkan oleh Tengku Ampuan iaitu Wan Fatimah dan diikuti oleh isteri kedua Sultan iaitu Che Bedah. Namun begitu setelah Tengku Ampuan Mariam berkahwin dengan Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah pada tahun 1913 telah membawa gamelan ke Terengganu.

Selain itu setiap alat muzik gamelan yang mempunyai ciri-cirinya tersendiri haruslah dimainkan dengan melodi yang betul. Ini kerana setiap bunyi yang dikeluarkan adalah mengikut alat muzik gamelan yang digunakan. Setiap ciri alat muzik gamelan juga ada yang diperbuat daripada kayu dan besi. Di samping itu juga alat muzik gamelan yang mempunyai banyak jenis perlu dikaji setiap ciri-ciri keunikannya yang tersendiri. Oleh itu setiap ciri alat muzik gamelan perlu dikaji untuk mengetahui jenis-jenis alat muzik yang digunakan.

Seterusnya alat muzik tradisional gamelan ini juga semakin kurang diketahui terutamanya dalam golongan generasi muda zaman sekarang. Golongan muda pada masa kini lebih banyak menghabiskan masa dengan bermain sosial media berbanding untuk mengetahui seni muzik yang terdapat di tanah air. Oleh itu alat muzik gamelan ini baru diperkenalkan dengan lebih meluas kepada generasi muda zaman sekarang. Ini kerana agar alat muzik gamelan dapat dimartabatkan dan dikekalkan sehingga masa akan datang.

1.2 PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah setiap ciri-ciri alat muzik gamelan tradisional dan apakah keunikan setiap alat tersebut.
2. Bagaimanakah cara untuk memperkenalkan dan mengekalkan alat muzik tradisional ini dikalangan masyarakat.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti setiap ciri-ciri alat muzik gamelan yang dimainkan.
2. Untuk memartabatkan dan meningkatkan minat generasi muda dalam mengenali setiap alat muzik gamelan.

1.4 SKOP KAJIAN

Skop kajian tentang ciri-ciri alat muzik gamelan ini dilakukan di negeri Kelantan iaitu kawasan Kota Bharu. Terutamanya di JKKN Kelantan. Kajian ini hanya difokuskan dalam mengkaji ciri-ciri setiap alat muzik gamelan yang terdapat di negeri Kelantan. Selain itu juga setiap ciri alat muzik gamelan ini akan dikaji kerana ianya dikatakan berasal dari Jawa. Setiap alat muzi gamelan ini penting dalam sesuatu upacara kerana

ianya akan mengeluarkan bunyi yang berbeza-beza mengikut melodi yang betul. Setiap ciri alat muzik gamelan juga sangat menari dengan ukiran dan bentuk yang terdapat pada alat muzik tersebut.

Di samping itu alat muzik tradisional ini haruslah dijaga dengan baik supaya kita dapat melihat keunikan setiap alat muzik gamelan tersebut. Selain itu juga alat muzik gamelan ini boleh dipertonton dan dimainkan kepada orang ramai dalam sesuatu upacara seperti persembahan wayang kulit, joget Pahang dan lain-lain lagi. Oleh itu dengan adanya persembahan-persembahan yang melibatkan alat muzik gamelan dapat menarik minat orang ramai dan juga orang luar untuk mengetahui tentang alat muzik gamelan.

1.5 KEPENTINGAN

Kepentingan kajian ini adalah untuk mencari maklumat mengenai ciri-ciri alat muzik gamelan dan dapat membantu orang ramai untuk mengetahui dengan labih lagi mengenai alat muzik gamelan ini. Kajian ini juga dapat membantu untuk meningkatkan ilmu pengetahuan mengenai alat muzik ini dan masyarakat dapat mempelajari dan membantu mengekalkan ala-alat muzik tradisional supaya tidak ditenggelam oleh zaman. Oleh itu kajian ini penting kepada semua kalangan masyarakat.

1.5.1 INDIVIDU :

Kajian ini dapat membantu sesiapa yang sedang mengkaji ciri-ciri alat muzik gamelan terutamanya dalam kalangan pelajar, guru dan ramai lagi. Ia supaya dapat memberi sedikit pengetahuan dan maklumat yang terdapat dalam kajian ini.

1.5.2 MASYARAKAT :

Kajian yang dilakukan ini dapat memberi pengetahuan kepada masyarakat bahawa alat-alat muzik tradisional ini penting dalam mengambil tahu agar generasi muda tidak melupakan alat-alat muzik gamelan ini.

1.5.3 KERAJAAN :

Kajian ini juga penting kepada kerajaan dan juga pusat-pusat kebudayaan dalam memelihara dan mengekalkan alat-alat muzik gamelan ini. Selain itu juga perlu mengetahui setiap ciri-ciri yang terdapat pada alat muzik gamelan untuk diperkenalkan kepada orang ramai.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.0 KAJIAN LITERATUR

Kajian ini dilakukan untuk mengumpulkan maklumat dan mendedahkan serba sedikit mengenai tentang ciri-ciri alat muzik gamelan tradisional kepada orang ramai. Secara keseluruhannya kajian ini dilakukan dengan membuat dan meneliti kajian-kajian lepas yang terdapat pada artikel, jurnal, laman sesawang dan daripada pemerhatian yang dibuat. Tujuan utama kajian ini dibuat adalah untuk membantu dan memberi orang ramai akan keunikan dan ciri-ciri yang ada pada alat muzik gamelan ini.

Perkara utama kajian ini dibuat adalah untuk mengetahui bagaimana cara untuk mengetahui setiap ciri-ciri alat muzik gamelan ini. Hal ini kerana alat muzik gamelan mempunyai banyak jenis dan setiap cirinya berlainan. Terdapat beberapa artikel, jurnal dan juga daripada laman sesawang menceritakan serba sedikit mengenai setiap ciri-ciri alat muzik gamelan ini. Terdapat juga beberapa pendapat mengenai alat muzik gamelan tradisional ini dalam kajian-kajian lepas yang telah dibuat. Oleh itu berdasarkan kajian-kajian lepas yang dibuat maka dikumpulkan maklumat-maklumat penting dalam kajian ini.

Menurut masyarakat Melayu, ensembel muzik gamelan pada peringkat permulaan dipersembahkan di peringkat istana sahaja yang dibawa masuk dari Kepulauan Riau Lingga melalui istana Pahang sehingga ke istana Terengganu (Patricia Matusky & Tan, 1997). Menurut Mohd Ghouse (1989) dalam bukunya yang bertajuk Muzik Melayu Tradisi menyatakan alat muzik gamelan melayu terdiri daripada tujuh alatan iaitu saron

barang, saron peking, kromong, gambang kayu, kenung, sepasang gong dan gendang. Selain itu juga Mubin Sheppard (1967). menerangkan ensembel gamelan melayu asal hanya mempunyai tujuh jenis dan pendapat ini disokong oleh Harun Mat Piah (1983:13), Matusky dan Tan (1997:95).

Selain itu juga kajian ini dibuat untuk mengetahui masalah bagaimana untuk mengekalkan alat muzik warisan tradisional ini dan cara memperkenalkannya dalam kalangan masyarakat terutama kepada generasi muda zaman sekarang dengan dunia yang semakin maju kearah pemodenan. Masyarakat generasi muda zaman sekarang kurang diberi pendedahan dengan alat muzik tradisional kerana mereka lebih berminat dengan telefon pintar mereka yang kebiasannya ramai bermain permainan video.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian mempunyai dua bahagian iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif. Penyelidikan kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif dalam mengumpul segala maklumat yang diperlukan untuk mengkaji ciri-ciri alat muzik gamelan. Kaedah kualitatif ini dimana penyelidik membuat kajian lapangan seperti pergi ke sesuatu tempat untuk mendapatkan maklumat yang dikaji. Kajian lapangan adalah kaedah yang sangat sesuai digunakan dalam mengumpul maklumat dengan dua cara iaitu pemerhatian dan juga temu bual.

Kaedah pemerhatian adalah dimana pengkaji pergi ke tempat kajian lapangan untuk melihat sendiri setiap ciri-ciri alat muzik gamelan tersebut. Pemerhatian dibuat dan akan dicatat dalam buku untuk dibuat laporan kepada setiap pengkaji. Selain itu, kaedah temu bual adalah pengkaji akan menemu ramah orang yang bertanggungjawab dalam menjaga alat muzik gamelan tersebut. Setiap temu bual akan direkod untuk dijadikan bahan bukti dalam kajian ciri-ciri alat muzik gamelan ini.

Penyelidikan kajian ini juga penting untuk membuat dokumentari seperti mengambil video dan juga gambar setaip kajian yang dibuat. Pengumpulan data ini juga bagus digunakan dan boleh meletakkan gambar-gambar yang ada dalam laporan kajian yang di buat. Ini kerana gambar juga dapat menunjukkan setiap jenis bentuk alat muzik gamelan dan juga setiap ciri-cirinya. Oleh itu setiap maklumat yang didapati perlu dicatat dan juga boleh dapatkan maklumat dari kajian-kajian yang lepas.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 PENGENALAN

Pengkaji akan mengulas dapatan kajian secara lebih terperinci dengan menggunakan beberapa kaedah kajian yang dilakukan. Maklumat-maklumat yang dikumpul dan dikaji akan dijelaskan dengan lebih terperinci melalui kaedah kajian yang telah dijalankan.

Hasil dapatan kajian mestilah berdasarkan objektif yang telah dikemukakan oleh pengkaji. Segala maklumat dan hasil daripada dapatan kajian mestilah mencapai dan menjawab segala objektif kajian tersebut lalu dicatat oleh pengkaji. Setiap objektif yang dikemukakan harus berkait rapat dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji agar kajian yang dilakukan tidak tersasar dari tujuan utama kajian ini dilakukan. Semasa kajian ini dilakukan terdapat proses temubual dengan orang yang berkaitan dalam kajian ini. Setiap apa kajian yang dilakukan oleh pengkaji mempunyai objektifnya yang tersendiri dan setiap objektif kajian tersebut mestilah berjaya mencapai matlamatnya dan dapat memberi pengetahuan kepada masyarakat. Disamping itu juga, kajian yang dilakukan ini mempunyai skop dan batasan kajian yang tersendiri supaya pengkaji dapat memfokuskan kepada objektif yang dikemukakan sahaja.

4.1 LATAR BELAKANG RESPONDAN

Pengkaji menemubual seorang responden yang arif dalam bidang alat muzik gamelan iaitu Profesor Madya Dr Sahar Sa'di bin Hashim seorang pengarah Pusat Kesenian dan Warisan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Terengganu. Profesor Madya Dr Sahar Sa'di bin Hashim berusia 54 tahun yang berasal dan menetap di Terengganu, Bukit Payung. Beliau juga pernah menjadi tenaga pengajar di ASWARA dan Universiti Malaysia Sabah (UMS). Pada tahun 2008-2017 beliau menjadi tenaga pengajar di UNISZA dan sekarang beliau telah menjadi pengarah Pusat Kesenian dan Warisan UNISZA.

4.2 MENGENALPASTI SETIAP CIRI-CIRI ALAT MUZIK GAMELAN

Alat muzik gamelan mempunyai 7 jenis iaitu gendang, gong, saron barong, saron pekin, kenong bonang dan gambang. Kebanyakan pembuatan alat muzik gamelan dilakukan di Indonesia kerana ianya berasal dari Negara tersebut kemudian berkembang dan diperkenalkan di di negeri Pahang dan Terengganu. Alat-alat muzik gamelan ini kebiasaannya diperbuat daripada tembaga dan terdapat beberapa campuran dari bahan-bahan yang lain.

4.2.1 GENDANG



Gendang diperbuat daripada buluh dan ia mempunyai dua permukaan kulit yang ditegang kuat dan dipukul dengan menggunakan kedua-dua belah tapak tangan. Ia mempunyai permukaan besar dan kecil. Permukaan yang besar berada di sebelah kanan pemain manakala permukaan yang lebih kecil berada di sebelah kiri pemain. Ia berfungsi untuk memainkan rentak sesebuah lagu.

4.2.2 GONG



Gong diperbuat daripada campuran tembaga dan ia mempunyai dua jenis iaitu gong ageng (besar) dan gong suwukan (kecil). Gong suwukan nadanya lebih rendah berbanding dengan gong ageng kerana saiznya yang lebih kecil. Gong ageng pula akan di gantung pada palang kayu kerana saiznya yang besar.

4.2.3 SARON



- i. Saron barong terdiri daripada enam hingga ke tujuh keping logam yang berbentuk segi empat dan ia diperbuat daripada campuran tembaga. Diantara bilangan kepingan-kepingan tersebut terdapat jarak kecil yang membolehkan untuk membuat getaran yang maksimum.
- ii. Saron pekin adalah lebih kecil dari saron barong tetapi bentuk keduanya hampir sama. Saron pekin kebiasaannya dimainkan dua kali ganda daripada ketukan saron barong.

4.2.4 KENONG



Kenong terdiri daripada 5 canang dan ia juga diperbuat daripada campuran tembaga. Setiap buah canang akan diapungkan di atas lubang yang terdapat pada kotak-kotak kayu tersebut. Teknik bermain kenong ia dimainkan di akhir setiap 2 bar dalam sebuah lagu.

4.2.5 BONANG



Bonang mengandungi sepuluh buah canang dan setiap satu canang tersebut mempunyai bunyi yang berbeza-beza. Ia disusun dalam dua baris dan diperbuat daripada campuran tembaga atau perunggu. Bonang dimainkan dengan menggunakan pengetuk yang berbalut di hujungnya.

4.2.6 GAMBANG



Gambang mempunyai dua puluh kepingan kayu. Setiap saiz dan ketebalannya berbeza-beza dan ia diletakkan di atas kotak kayu. Alat muzik ini dimainkan dengan menggunakan dua kayu pengetuk dan ia dimainkan dua kali ganda kelajuan daripada ketukan saron barong.

4.3 MEMPERKENAL DAN MENGEKALKAN ALAT MUZIK TRADISIONAL DALAM KALANGAN MASYARAKAT

Alat muzik tradisional ini boleh dimasukkan dalam sukatan pembelajaran di sekolah dan cara-cara bermain alat muzik ini boleh diajar oleh guru di samping memberi pendedahan awal kepada anak muda zaman sekarang. Pihak sekolah juga mestilah membuat pendekatan secara lebih kreatif mengikut kehendak generasi sekarang. Tambahan pula dengan keadaan Negara yang dilanda pandemik COVID-19 kebanyakan pengajaran dan pembelajaran dilakukan secara atas talian. Oleh dengan ini peranan guru

dan juga ibu bapa sangat penting dalam menarik minat anak-anak mereka untuk mempelajari alat muzik tradisional walaupun pembelajaran tidak dapat dibuat secara bersemuka. Cara yang digunakan juga mestilah kreatif dan menarik untuk anak muda mempelajari alat muzik tradisional gamelan ini.

Seterusnya, untuk memperkenalkan dan mengekalkan alat muzik tradisional gamelan ini pihak-pihak tertentu boleh mengadakan atau menganjurkan festival dan juga pertandingan samada di peringkat sekolah mahupun di universiti. Pertandingan bermain alat muzik gamelan boleh disertai oleh ramai orang dan sekaligus mempersembahkan bermain alat muzik tradisional gamelan kepada masyarakat. Di samping itu juga, alunan muzik gamelan boleh dijadikan sebagai kontemporari dan diubahsuai sedikit untuk dimasukkan kedalam lagu-lagu pada masa kini. Cara ini dapat mengekalkan dan memelihara alat muzik gamelan dan bunyi-bunyian alat muzik gamelan tersebut.

BAB 5

PENUTUP

5.0 PENGENALAN

Bab ini pengkaji akan menyatakan tentang perbincangan berdasarkan kajian yang telah dilakukan. Pengkaji akan memberi cadangan untuk mengekalkan alat muzik tradisional gamelan kerana ia merupakan warisan yang harus dipelihara. Kesimpulannya, kajian ini sangat penting kerana kesemua maklumat yang ada perlu dikumpul dan dicatat untuk kegunaan pengkaji.

5.1 PERBINCANGAN

Perbincangan yang dilakukan berdasarkan daripada hasil dapatan kajian yang telah diperolehi semasa kajian ini dibuat iaitu mengenai cara untuk memperkenalkan dan mengekalkan alat muzik tradisional dalam kalangan masyarakat dan menarik minat mereka untuk bermain alat muzik gamelan terutamanya kepada generasi muda zaman sekarang. Masyarakat muda pada zaman sekarang masih ada yang mengetahui tentang alat muzik tradisional gamelan ini namun terdapat ramai lagi anak muda di luar sana yang tidak tahu berkenaan alat muzik ini.

Langkah-langkah yang dapat kita ambil dengan mengadakan festival atau pertandingan bermain alat muzik di peringkat sekolah atau anjuran-anjuran yang boleh dilakukan di dewan dan sebagainya. Apabila terdapat festival atau anjuran dari pihak sekolah mahupun dari pihak kerajaan alat muzik gamelan ini secara tidak langsung dapat diperkenalkan di mata masyarakat dan generasi muda.

5.2 CADANGAN

Hasil yang daripada perbincangan mengenai kajian yang telah dijalankan, pengkaji mempunyai beberapa cadangan untuk memastikan alat muzik tradisional menjadi salah satu warisan Negara yang mesti terus dipelihara dan dijaga sehingga ke generasi-generasi muda yang akan datang.

5.2.1 CADANGAN KEPADA MASYARAKAT

Melalui kajian yang telah dibuat berkaitan alat muzik tradisional gamelan ini pihak masyarakat harus lebih peka atau mengambil berat mengenai alat muzik warisan Negara kita. Pihak-pihak tertentu boleh mengadakan pameran, kempen atau festival dalam memperkenalkan alat muzik gamelan kepada orang ramai. Cara ini dapat menarik ramai orang untuk menyertai program-program yang dianjurkan dan secara tidak langsung cara ini juga dapat menghidupkan kembali dan mengekalkan alat muzik tradisional warisan Negara kita dalam kalangan masyarakat.

5.2.2 CADANGAN KEPADA KERAJAAN

Pihak kerajaan boleh menganjurkan festival secara besar-besaran untuk orang ramai dan boleh memperkenalkan alat muzik tradisional warisan Negara kita. Selain itu juga pihak kerajaan boleh mengadakan pertandingan bermain alat muzik gamelan supaya dapat menarik perhatian dan minat orang ramai dalam bermain alat muzik tradisional ini. Festival yang dianjurkan dapat membantu ramai orang untuk mengenali warisan Negara kita dan secara tidak langsung anak-anak muda generasi sekarang dapat mengetahui warisan Negara.

5.3 KESIMPULAN

Kesimpulannya, melalui kajian yang dibuat oleh pengkaji dengan menemu bual seorang pengarah Pusat Kesenian dan Warisan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Terengganu yang banyak berkongsi ilmu dan maklumat berpendapat bahawa alat muzik tradisional gamelan ini mestilah dipelihara dan dijaga dengan baik kerana tidak semua orang tahu cara bermain atau mengenali alat muzik gamelan. Hal ini kerana alat muzik gamelan sangat unik kerana ia mempunyai pelbagai jenis alat dan setiap alat-alat tersebut mempunyai ciri dan keunikannya yang tersendiri. Alat muzik gamelan ini juga mempunyai bunyi-bunyian yang menarik dan mempunyai cara bermainnya yang tersendiri. Oleh itu menjadi tanggungjawab kita bersama dalam memelihara dan mengekalkan alat muzik tradisional warisan Negara kita supaya dapat diperkenalkan kepada generasi-generasi yang akan datang.

Sumber rujukan

Amran Aris (2019) MUZIK TRADISIONAL MELAYU GAMELAN

<https://www.slideshare.net/amranaris67/gamelan-muzk3253-apresiasi-muzik>

Razali Md Amin, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Ab Samad Kechot (2017) KOMUNIKASI, INSTRUMENTASI DAN SENI PERSEMBAHAN GAMELAN MELAYU DAN JAWA.

<http://journalarticle.ukm.my/11904/1/22705-65542-1-SM.pdf>

Siti Nuraishah binti Ab Jalil (2016) PEMBANGUNAN SUKATAN PELAJARAN GAMELAN MELAYU BERDASARKAN KERANGKA SISTEM PEPERIKSAAN MUZIK BERGRED ANTARABANGSA. https://ir.upsi.edu.my/files/docs/2020/859_859.pdf

(2011) GAMELAN <http://panitiamuziksmsah.blogspot.com/p/sejarah-gamelan-terengganu.html>

<https://ms.wikipedia.org/wiki/Gamelan>

<http://gamelanmelayu.blogspot.com/2009/09/ciri-muzik-gamelan.html>

[https://gambang.pulasan.my/media/gambang/alat muzik gamelan seni dan budaya malaysia.pdf](https://gambang.pulasan.my/media/gambang/alat_muzik_gamelan_seni_dan_budaya_malaysia.pdf)

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN